

Hasil cukai' lebih rendah berbanding perbelanjaan bangunkari Langkawi

UM 6 APR 201

LANGKAWI 5 April – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pendapatan yang diperoleh oleh kerajaan daripada hasil cukai adalah jauh lebih rendah berbanding perbelanjaan untuk membangunkan Langkawi sebagai sebuah pusat perniagaan dan pelancongan popular negara ini.

Perdana Menteri berkata, walaupun jumlah pelancong yang berkunjung ke pulau tersebut mencecah dua juta orang dan mereka berbelanja sebanyak RM2 bilion setahun, namun cukai yang diperoleh oleh kerajaan tidak mencukupi untuk tujuan pembangunannya.

“Jumlah RM2 bilion yang dibelanjakan pelancong itu bukanlah cukai (yang dikenakan kerajaan), yang dapat duit ialah peniaga. Kalau RM100 diperolehi oleh peniaga, kerajaan hanya dapat RM28 sahaja,” katanya pada sesi dialog sempena Majlis Sepetang Bersama Perdana Menteri di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, pendapatan sebanyak RM2 bilion itu boleh dikatakan berada di Langkawi kerana Kerajaan Pusat tidak memperoleh pendapatan yang banyak memandangkan sebahagian besar daripada barangan di Langkawi adalah bebas cukai.

Menjawab satu soalan, Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan membuka Pelabuhan Langkawi selama tujuh hari seminggu sekiranya mendapat permintaan terhadap penggunaannya di kalangan para peniaga.

Ketika diminta mengulas mengenai keberkesanan akujanji yang ditandatangani oleh kakitangan awam Perdana Menteri berkata, tindakan pegawai kerajaan menandatangani akujanji itu membuktikan kesediaan mereka untuk mematuhi kehendak kerajaan yang dipilih oleh rakyat.